

PENYATA PENERUSI

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Beraudit Lion Industries Corporation Berhad ("LICB" atau "Kumpulan" atau "Syarikat") bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2018.

PRESTASI KEWANGAN

Kumpulan mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 24% kepada RM3,295 juta bagi tahun kewangan 2018 berbanding RM2,667 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh sumbangan yang lebih tinggi daripada perniagaan keluli dan bahan binaan kita. Keuntungan operasi meningkat 56% kepada RM181.1 juta daripada RM116.1 juta pada tahun lepas berikutan purata harga jualan produk keluli dan jualan tanan (tonnage) yang lebih tinggi. Perniagaan keluli Kumpulan terus merekodkan jualan yang lebih tinggi berikutan pengurangan import yang ketara dari China. Kumpulan mencatat keuntungan sebelum cukai lebih tinggi sebanyak RM174.5 juta berbanding RM107.4 juta pada tahun sebelumnya.

Aset bersih Kumpulan meningkat kepada RM1,850 juta daripada RM1,709 juta pada tahun lalu dengan aset bersih sesaham yang dicatatkan pada RM2.72, meningkat 21 sen dari tahun kewangan lepas. Kumpulan berada dalam kedudukan tunai bersih bagi tahun kewangan 2018.

PERKEMBANGAN KETARA DALAM KORPORAT

Pada 3 Julai 2018, LICB mengumumkan Cadangan Pengembangan Operasi kepada Perniagaan Keluli Rata (Flat Steel Business) yang melibatkan cadangan korporat seperti berikut:

- (a) Cadangan Oriental Shield Sdn Bhd, anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya, untuk mengambilalih kesemua aset tetap dan terapung bebas tanggungan hutang milik Megasteel Sdn Bhd ("Megasteel") yang disandarkan kepada para pemberi pinjaman bercagar Megasteel ("Megasteel Secured Lenders") dengan pertimbangan bayaran pembelian kira-kira RM537.73 juta;
- (b) Cadangan memperuntukkan kepada Gelora Berkat Sdn Bhd ("Gelora"), anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya, kesemua faedah terakru kepada Megasteel Secured Lenders bagi bahagian hutang yang tidak dicagar di bawah skim bercagar Megasteel (iaitu skim persediaan dan kompromi di bawah Akta Syarikat 2016 bagi Megasteel Secured Lenders ("Skim Bercagar Megasteel") melibatkan pertimbangan bayaran tunai sebanyak RM8.50 juta;
- (c) Cadangan Gelora mengambilalih kesemua aset Megasteel yang bebas hutang (terdiri daripada 2 bidang tanah di daerah Kuala Langat, Selangor yang tidak disandarkan kepada mana-mana institusi kewangan) melibatkan pertimbangan bayaran tunai kira-kira RM24.50 juta; dan
- (d) Cadangan pembekalan tenaga elektrik kepada LICB dan anak-anak syarikatnya di Banting oleh Tenaga Nasional Berhad untuk kemudahan Cadangan Pengembangan Operasi kepada Perniagaan Keluli Rata yang melibatkan pertimbangan bayaran tunai sebanyak RM35.80 juta.

PROSPEK

Persekitaran operasi industri keluli dijangka terus mencabar dalam tahun kewangan akan datang berikutan persaingan yang sengit dalam kalangan para pengilang keluli tempatan dan juga ketidakpastian harga keluli. Perniagaan bahan binaan Kumpulan yang berkait rapat dengan prestasi pasaran hartanah dan pembinaan akan terus berdepan cabaran manakala perniagaan minyak pelincir, produk petroleum dan automotif dijangka terus memberikan sumbangan positif kepada hasil kewangan Kumpulan.

Kumpulan akan sentiasa berwaspada dan bertindak balas segera terhadap perubahan pasaran dan juga meneruskan usaha-usaha untuk meningkatkan prestasi operasi bagi tahun kewangan akan datang.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan terima kasih dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Encik Chong Jee Min yang telah menaburkan khidmat dengan Lembaga Pengarah selama lebih 12 tahun dan beliau telah memaklumkan kepada Lembaga Pengarah hasrat untuk tidak dilantik semula sebagai Pengarah Bebas Syarikat. Justeru itu, Encik Chong akan bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang. Encik Chong juga adalah Pengerusi Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Penamaan dan Jawatankuasa Imbuan Syarikat. Encik Chong merupakan seorang ahli Lembaga Pengarah yang berdedikasi sejak 2004 dan telah memberikan sumbangan yang berharga kepada Lembaga Pengarah bagi pertumbuhan dan kejayaan Kumpulan sepanjang tempoh beliau memegang jawatan.

Saya ingin mengalu-alukan Cik Cheng Hui Ya, Serena ke Lembaga Pengarah sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif pada 23 November 2017 dan Y. Bhg. Dato' Nik Rahmat bin Nik Taib sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada 28 Februari 2018. Lembaga Pengarah percaya bahawa Syarikat akan mendapat manfaat yang tidak ternilai daripada pengalaman dan kepakaran kedua-dua mereka.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin melahirkan penghargaan tulus ikhlas kepada semua pemegang saham yang dihargai, para pelanggan, pembiaya kewangan, sekutu perniagaan dan pihak berkuasa kerajaan dan pengawal selia atas sokongan dan keyakinan mereka terhadap Kumpulan sepanjang tempoh yang mencabar ini.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan Pengarah atas bimbingan, sokongan dan sumbangan mereka yang tidak ternilai sepanjang tahun kewangan.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan dan warga kerja atas dedikasi dan komitmen mereka kepada Kumpulan.

DATUK SERI UTAMA RAJA NONG CHIK BIN
DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN
Pengerusi

CHAIRMAN'S STATEMENT

On behalf of the Board of Directors ("Board"), I am pleased to present the Annual Report and Audited Financial Statements of Lion Industries Corporation Berhad ("LICB" or "the Group" or "the Company") for the financial year ended 30 June 2018.

FINANCIAL PERFORMANCE

The Group registered a 24% increase in revenue to RM3,295 million for the financial year 2018 compared with RM2,667 million in the previous year. The increase was attributed primarily to the higher contribution from both our steel and building materials businesses. Profit from operations increased 56% to RM181.1 million from RM116.1 million last year due to higher average selling price of steel products and sales tonnage. The Group's steel business continued to record higher sales mainly attributable to significant reduction of imports from China. The Group posted a higher profit before tax of RM174.5 million compared to RM107.4 million the year before.

The Group's net assets improved to RM1,850 million from RM1,709 million in the previous year with net assets per share registering at RM2.72, an increase of 21 sen from last financial year. The Group is in a net cash position for the financial year 2018.

SIGNIFICANT CORPORATE DEVELOPMENT

On 3 July 2018, LICB announced the Proposed Expansion into Flat Steel Business which involves the following corporate proposals:

- (a) Proposed acquisition by Oriental Shield Sdn Bhd, a wholly-owned subsidiary of the Company, of all encumbered fixed and floating assets owned by Megasteel Sdn Bhd ("Megasteel") that are charged to the secured lenders of Megasteel ("Megasteel Secured Lenders") from Megasteel for a purchase consideration of approximately RM537.73 million;
- (b) Proposed assignment to Gelora Berkas Sdn Bhd ("Gelora"), a wholly-owned subsidiary of the Company, of the benefits accruing to the Megasteel Secured Lenders for the under-secured portion debts from the Megasteel Secured Lenders under the secured scheme of Megasteel (being the scheme of arrangement and compromise under the Companies Act 2016 for the Megasteel Secured Lenders) ("Megasteel Secured Scheme") for a cash consideration of RM8.50 million;
- (c) Proposed acquisition by Gelora of all the unencumbered assets of Megasteel (comprising 2 pieces of land in the district of Kuala Langat, Selangor not charged to any financial institution) for a cash consideration of approximately RM24.50 million; and
- (d) Proposed supply of electricity to LICB and its subsidiaries in Banting by Tenaga Nasional Berhad to facilitate the Proposed Expansion into Flat Steel Business for a cash consideration of RM35.80 million.

PROSPECTS

The operating environment of the steel industry is anticipated to remain challenging in the next financial year in view of the intense competition among the local steel millers and volatile prices of steel products. The Group's building materials business which is closely linked to construction and property market will continue to face challenges from the property market whilst the lubricants, petroleum and automotive products businesses are expected to continue to contribute positively to the Group's results.

The Group will stay vigilant and responsive to market changes and continue with its efforts to improve operating performance for the next financial year.

APPRECIATION

On behalf of the Board, I would like to convey our sincere thanks and deepest appreciation to Mr Chong Jee Min who has served on the Board for more than 12 years and has informed the Board that he does not wish to seek re-appointment as an independent Director of the Company. Hence, Mr Chong shall retire at the forthcoming Annual General Meeting. Mr Chong is also the Chairman of the Audit Committee, the Nomination Committee and the Remuneration Committee of the Company. Mr Chong has been a dedicated member of the Board since 2004 and has made valuable contributions to the Board towards the growth and success of the Group during his term of office.

I would like to extend a warm welcome to Ms Cheng Hui Ya, Serena who joined the Board as a Non-Independent Non-Executive Director on 23 November 2017 and Y. Bhg. Dato' Nik Rahmat bin Nik Taib as an Independent Non-Executive Director on 28 February 2018. The Board believes that the Company will benefit from their invaluable experience and expertise.

On behalf of the Board, I would also like to express my heartfelt and sincere appreciation to all our valued shareholders, customers, financiers, business associates and the various governmental and regulatory authorities for their continuing support and confidence in the Group throughout these challenging times.

I would also like to convey my deepest appreciation and gratitude to my fellow Directors for their immense guidance, support and contribution throughout the year.

Last but not least, I would like to place on record my sincere thanks to the management and staff for their dedication and commitment to the Group.

DATUK SERI UTAMA RAJA NONG CHIK BIN
DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN
Chairman

主席报告

我谨代表董事部，欣然提呈金狮工业机构有限公司截至2018年6月30日会计年度的常年报告和经审核财务报表。

财务表现

在2018会计年度，本集团的收入增加24%，达到32亿9千500万令吉，相较于上一个年度的收入是26亿6千700万令吉。这主要因素是我们的钢铁业务和建筑材料业务都作出更大的贡献。本会计年度的营业利润从上一年度的1亿1千610万令吉增加了56%，达到本年度的1亿8千110万令吉，主要是钢铁产品的平均售价提高和销售吨数增加。中国钢铁的入口显著减少之下，本集团的钢铁业因而取得更高的销售量。本集团因此取得更高的税前利润，达到1亿7千450万令吉，相较于上一个年度是1亿740万令吉。

本集团的净资产，从上一个年度的17亿900万令吉增加到本年度的18亿5千万令吉，每股的净资产比上一个会计年度增加21仙达到2.72令吉。在2018年度，本集团处在拥有净现金的地位。

重大企业发展

在2018年7月3日，金狮工业机构有限公司宣布“扩展至扁钢业务计划”，其中包括以下的企业建议：

- (a) 建议由本公司的独资子公司Oriental Shield私人有限公司收购美佳钢铁私人有限公司（美佳钢铁）所抵押给担保其贷款人所有被抵押的固定资产和流动资产，收购价大约是5亿3千773万令吉；
- (b) 建议由本公司的独资子公司Gelora Berkhat私人有限公司（Gelora）购买美佳钢铁的担保贷款人所没有足够的担保债务而产生的利益，转让价是850万令吉。（依据2016年公司法令下美佳钢铁与其债务人的妥协计划）；
- (c) 建议由Gelora收购美佳钢铁所有未被抵押的财产（包括在雪兰莪州瓜拉冷岳县的两片土地，没有被抵押在任何金融机构），收购价大约是2千450万令吉；和
- (d) 建议国家能源有限公司提供电力给金狮工业机构有限公司及其位于万津的子公司，以帮助扩展至扁钢业务计划，总额为3千580万令吉。

展望

由于本地钢铁厂之间竞争激烈，以及钢铁产品的价格波动不定，预料在下一个会计年度，钢铁业的营运环境仍然充满挑战。本集团的建筑材料业务与建筑业及产业市场息息相关，这将继续面对产业市场的挑战。而润滑油、汽油和汽车产品的业务，预料将继续对本集团的业绩作出积极贡献。

本集团将保持谨慎，及对市场变化作出反应，并将致力于在下一个会计年度改善营运表现。

鸣谢

我谨代表董事部，对张裕民先生表达最真诚的感谢。张先生担任董事超过12年，张先生已经通知董事部，不再寻求重新被委任为本公司的独立董事。因此，张先生将在即将召开的常年大会上退休。张先生也担任本公司的审计委员会、任命委员会以及薪酬委员会的主席。张先生自2004年便受委为董事局的成员，并在其任期内在董事局里对本集团的成长与成功作出宝贵的贡献。

我对锺惠雅小姐表达热烈欢迎，她在2017年11月23日出任非独立非执行董事。同时我也热烈欢迎Dato Nik Rahmat bin Nik Taib在2018年2月28日出任独立非执行董事。董事部相信，本公司将从他们的宝贵经验和专门的知识中受惠。

我谨代表董事部，真诚感谢我们所有尊贵的股东、客户、金融家、商业伙伴，以及各政府部门和监管机构，在这些充满挑战的时期，继续支持本集团及对本集团具有信心。

我也要最深切感谢董事们，一年来给予广泛的指导、支持与奉献。

最后，我要真诚感谢管理层和职员们对本集团的奉献。

主席

DATUK SERI UTAMA RAJA NONG CHIK BIN
DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN